

## PENGENALAN DAN SEJARAH PENULISAN QURAN TAWAFUQ

Noornajihan Jaafar<sup>201</sup> (Penulis bersama)

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Tel: +60132570732, E-Mel: noornajihan@usim.edu.my

Celal Akar, Yayasan Hayrat Malaysia

Shah Rizul Izyan Zulkiply, Calon Doktor Falsafah, USIM

Anisah Razali, Calon Sarjana, USIM

### Abstrak

Al-Quran merupakan mukjizat Nabi SAW yang masih kekal sehingga ke hari ini. Kemukjizatan al-Quran dapat diyakini melalui pelbagai aspek termasuklah dari aspek pemberitahuan akan berita yang lepas dan berita yang akan datang, gaya bahasa, penggunaan lafaz dan kedudukan lafaz-lafaz *jalalah* dalam kedudukan yang sejajar dan lain-alin lagi. Penulisan ini secara umum akan membincangkan konsep tawafuq, mukjizat al-Quran, pengenalan kepada Quran Tawafuq, sejarah penulisan, biografi penulis dan beberapa contoh yang terdapat dalam Quran Tawafuq. Manakala fokus perbincangan ialah kepada penemuan kesejajaran kedudukan lafaz *jalalah* dalam beberapa tempat pada Quran Tawafuq yang merupakan hasil tulisan tangan oleh Ahmad Husrev Efendi. Sebanyak 2,806 lafaz Allah di dalam al-Quran, kesemuanya datang sama ada pada kedudukan yang selari dari atas ke bawah dalam satu muka surat, ataupun dalam kedudukan bersetentang dengan lafaz Allah di muka surat selepasnya, ataupun pada kedudukan bertindih dengan yang berada di muka surat belakangnya. Lafaz-lafaz Allah ini bersejajar antara satu sama lain dalam satu bentuk yang menakjubkan, yakni dengan sebutan yang khusus ia berada dalam posisi *tawafuq*. Atas penemuan inilah, al-Quran tersebut diberikan nama Quran Tawafuq.

**Kata kunci:** mukjizat, tawafuq, Quran Tawafuq, Ahmad Husrev Efendi

### 1. PENGENALAN

Al-Quran ialah *kalamullah* dan juga mukjizat yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan Jibril a.s. secara mutawatir dan membacanya adalah satu ibadat, dimulai dengan surah al-Fatihah dan diakhiri dengan surah al-Nas.<sup>202</sup> Mukjizat ialah suatu perkara yang luar biasa yang menyalahi kebiasaan, menyeru kepada kebaikan dan kebahagiaan disertai dakwaan kenabian.<sup>203</sup> Ia juga diperlihatkan Allah SWT melalui para Nabi dan RasulNya, sebagai bukti kebenaran

---

<sup>201</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM.

<sup>202</sup> Syuhbah, Muhammad Abu. 1412 H / 1992 M. *Al-Madkhal li Al-Dirasah Al-Qur'an al-Karim*. Bairut: Dar al Jil, ms. 20.

<sup>203</sup> Al-Jurjani, Ali bin Muhammad. 1424 H / 2003 M. *al-Ta'rifat*, Bairut-Libnan: Dar al-Kutub al-Ilmiyah, ms. 231.

pengakuan kenabian dan kerasulannya.<sup>204</sup> Ibnu Khaldun dalam *Muqaddimah*nya berpendapat bahwa mukjizat adalah tindakan yang tidak dapat ditiru oleh manusia<sup>205</sup>.

Kemukjizatan al-Quran pada dasarnya berpusat pada dua aspek, iaitu pertama, dari segi isi kandungan al-Quran, dan kedua dari segi bahasa al-Quran. Berkenaan dengan isi al-Quran, telah dinyatakan bahawa al-Quran yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW pada 14 abad yang lalu membawa banyak bukti ilmiah yang kemudian diakui benar oleh sains moden hari ini.<sup>206</sup> Al-Quran ditujukan kepada semua umat manusia dari pelbagai peringkat umur. Aspek kemukjizatan al-Quran didasarkan kepada perkara-perkara luar kebiasaan perkembangan sains dan penjelasan tamadun dan budaya.<sup>207</sup> Kandungan al-Quran bukan hanya mengenai ayat-ayat *qawliyyah* atau yang berkaitan dengan penjelasan hukum Islam (fiqh), namun juga mengandungi ayat-ayat *kawniyyah* yang menjelaskan pelbagai hal ehwal mengenai kehidupan manusia termasuklah alam semesta dan fenomena alam. Semua kandungan al-Quran adalah benar dan ia telah diakui oleh semua sejarawan muslim begitu juga sebagaimana sejarawan bukan Islam.<sup>208</sup>

Ilmuwan Islam, baik saintis klasik dan saintis Islam moden, telah banyak membincangkan tentang keajaiban Al-Quran. Di antara mereka, ada yang membicarakan tentang keajaiban al-Quran dari segi bahasa, seperti gaya bahasa dan uslub al-Quran, aspek penyampaian ajaran al-Quran dan peristiwa diturunkan oleh al-Quran dan perkara yang akan berlaku pada masa akan datang.<sup>209</sup> Keajaiban al-Quran dari segi *fasahah* dan *balaghah* memiliki tahap tinggi dalam setiap kata, irama, dan gaya bahasa. Susunan prosa yang asing dan berbeza dengan susunan orang Arab, baik pada permulaan awalnya, suku kata, tanda baca noktah dan koma. Sebahagian yang lain berpendapat bahawa aspek kemukjizatan al-Quran terkandung dalam sebutan yang jelas, susunannya yang indah kerana sastera al-Quran adalah tingkat yang sangat tinggi tiada bandingannya.<sup>210</sup> Struktur kalimat al-Quran bukanlah puisi dengan rangkaian kata mengikut sebilangan suku kata, bukan puisi, prosa ataupun sajak. Tetapi al-Quran berdiri sendiri lebih daripada puisi dan lain-lain, bahkan orang Arab

---

<sup>204</sup> Said Agil Husain Al-Munawwar. 1994. *I'jaz Al-Qur'an dan Metodologi Tafsir*. Semarang:Dimas, ms. 1.

<sup>205</sup> Ibnu Ahmad 'Alimi. 2004. *Menyingkap Rahasia Mukjizat Al-Qur'an*. Surabaya: Mashur, ms 31.

<sup>206</sup> Al-Munawwar, Said Agil Husin. 2002. *Al-Qur'an Membangun Tradisi Kesalehan Hakiki*. Jakarta: Ciputat Press, ms. 38.

<sup>207</sup> Yusuf Al-Haj Ahmad. 2003. *Mausu'ah al-I'jaz Al-'Ilmi fi Al-Qur'an Al-Karim wa Al-Sunnah Al-Mutahharah*. Maktabah Ibnu Hajar. Damaskus, ms. 18.

<sup>208</sup> Quraish Shihab. 1998. *Membumikan Al-Qur'an: Fungsi dan Peran Wahyu dalam Kehidupan Masyarakat*. Penerbit Mizan. Bandung, ms. 131.

<sup>209</sup> Moh. Arsyad Ba'asyien. *Beberapa Segi Kemukjizatan Alquran*. STAIN Datokarama Palu, Jl. Diponegoro 23 Palu.

<sup>210</sup> Sâbuni, Muhammad 'Ali. 1986. *al-Tibyan fi 'Ulum al-Qur'an*. Beirut: Alim al Kutub, ms 104.

tidak biasa dengan kata-kata yang terkandung di dalam al-Quran.<sup>211</sup> Muhammad Ali al-Sabuni, menyatakan bahawa keajaiban al-Quran dapat dilihat dari sepuluh aspek utama.<sup>212</sup> Manakala, ahli Tafsir Nusantara Prof. Hamka dalam bukunya *Tafsir Al Azhar* menyatakan bahawa ada empat jenis mukjizat al-Quran.<sup>213</sup> Penulisan ini akan mengengahkan pandangan Imam Bediuzzamn Said Nursi terhadap salah satu kemukjizatan al-Quran iaitu dari aspek kedudukan sejajar bagi lafaz al-Quran khususnya lafaz الله , رب dan هو (yang meujuk kepada Allah SWT). Keajaiban al-Quran dari sudut kedudukan lafaz-lafaz tersebut dapat ditelitikan dalam Quran Tawafuq.

## 2. KONSEP TAWAFUQ DAN TASADUF

*Tawafuq* (تَوَافُق) ialah kata terbitan bagi perkataan تَوَافَقَ dalam bahasa Arab yang membawa maksud kesejajaran, keseragaman, kesesuaian, keselarasan, keharmonian yang anggun atau dengan makna lain munculnya dua hal secara bersesuaian satu sama lain<sup>214</sup>. Lafaz *tawafuq* dalam penciptaan Allah SWT bermaksud keharmonian yang menunjukkan perintah tertentu menurut kesesuaian serta keselarasan yang mengandungi niat dan kehendak Ilahi di sebalik semua kejadian.

Manakala kata lawan bagi *tawafuq* ialah *tasaduf* (تَصَادُفٌ). Ia bermakna kebetulan iaitu pertembungan tanpa sengaja, tanpa niat dan kehendak. Keadaan (kejadian) yang terjadi secara tidak disangka-sangka<sup>215</sup>.

Penulis mendapati sebilangan besar umat Islam kini menggunakan perkataan *tasaduf* (kebetulan) yang dapat diertikan sebagai pertembungan tanpa sengaja, tanpa niat dan kehendak

---

<sup>211</sup> Hamka. 1983. *Tafsir Al Azhar*. Jakarta: Pustaka Panjimas, ms. 11.

<sup>212</sup> Antara kemukjizatan al-Quran ialah: 1) Susunan ayat yang indah amat berbeza dengan susunan dalam bahasa Arab; 2) Gaya bahasa menarik yang berbeza dengan gaya bahasa yang ada; 3) Mustahil bagi sesiapa dapat meniru atau menyamai dengan isi kandungan al-Quran; 4) Ketentuan hukum yang mendalam dan lengkap yang tidak dapat dicapai dengan ketentuan hukum buatan manusia; 5) Pemberitaannya tentang perkara ghaib, semuanya tidak diketahui kecuali melalui al-Quran; 6) Tidak bertentangan dengan sains semula jadi yang ada; 7) Pelaksanaan janji dan ancaman yang dijelaskan di dalam Al-Quran; 8) Pengetahuan yang dikandungnya merangkumi pengetahuan tentang hukum dan kaunyah; 9) Memenuhi keperluan manusia; 10) Memberi kesan di hati manusia, baik dikalangan pengikut mahupun musuh. Al-Sabuni, Muhammad Ali. 1991. *Studi Ilmu Al-Quran*. Alih Bahasa: Aminuddin. Damascus: Pustaka Setia, ms. 137-18 (betulkan msnya).

<sup>213</sup> Antaranya ialah: 1. Salah satu mukjizat al-Quran adalah diberitakan proses terjadinya bumi dan langit, bulan, bintang, dan matahari. Selain itu, di dalam al-Quran juga dijelaskan mengenai proses turunnya hujan dan pengaruhnya terhadap kesuburan tanah di bumi; 2. Al-Quran juga banyak menceritakan berita tentang masa lalu, seperti berita tentang Tasmud, Kaum Luth, dan lainnya. Semua berita di dalam al-Quran merupakan berketetapan dengan kenyataan yang benar dan seluruh ahli sejarah mengakuinya; 3. Mukjizat al-Quran yang berkaitan dengan *Fashahah* dan *Balaghah*. Di mana, al-Quran memiliki darjat yang tinggi dalam setiap susunan kata, irama, dan gaya bahasa. Susunan kalimat al-Quran bukan merupakan syair dengan rangkaian kata menurut suku kata bilangan tertentu, bukan puisi ataupun sebuah prosa; dan 4. Al-Quran menjelaskan setiap sesuatu yang akan terjadi. Terdapat banyak ayat al-Quran yang mengkhabarkan peristiwa besar yang akan berlaku dalam kehidupan seharian. Hamka. 1983. *Tafsir Al Azhar*. Jakarta: Pustaka Panjimas, ms. 11.

<sup>214</sup> Mohd Puzhi Usop et al. 2009. *Kamus Al-Farid Arab-Arab-Inggeris- Melayu*. Kuala Lumpur. Telaga Biru Sdn Bhd.

<sup>215</sup> Mohd Puzhi Usop et al. 2009. *Kamus Al-Farid Arab-Arab-Inggeris- Melayu*. Kuala Lumpur. Telaga Biru Sdn Bhd.

dalam banyak hal bagi menjelaskan sesuatu perkara. Hakikatnya, penggunaan perkataan *tasaduf* ini mengandungi unsur yang bertentangan dengan keimanan sebagai seorang muslim. Keimanan kepada Allah *rabb al-'alamin*, tuhan yang mentadbir sekalian alam menatijahkan kepercayaan bahawa segala sesuatu kejadian samada dalam bentuk penciptaan *maujudat* mahupun sesuatu situasi merupakan caturan Allah SWT. Kelalaian umat Islam dalam penggunaan perkataan *tasaduf* (kebetulan) dalam fikiran dan perhitungan akan sesuatu hal membawa kesan kepada keimanan kepada Allah SWT.

Kefahaman *tasaduf* ini bererti tidak menerima secara selayaknya dan sepenuhnya akan penguasaan mutlak Allah SWT di alam semesta dan ilmu pengetahuanNya yang merangkumi segalanya serta pengaruh kehendakNya terhadap segala hal. Ia melemahkan kesempurnaan iman dan kekuatan *i'tikad*. Hakikat yang disampaikan oleh Bediuzzaman dalam Risalah Alam menekankan perkara tersebut seperti berikut: “Wahai insan! Ketahuilah dengan yakin bahawa terdapat ungkapan-ungkapan dahsyat yang keluar daripada mulut insan dan berbau ketidakberagamaan. Tanpa disedari ahli iman (golongan beriman) menggunakannya.”<sup>216</sup>

Perkataan *tawafuq* yang sering digunakan oleh Bediuzzaman dalam koleksi Risalah An-Nur menarik perhatian ramai pengkaji. Beliau menggunakan perkataan *tawafuq* ini bagi menggantikan perkataan *tasaduf* kerana ianya tidak digunakan dengan makna yang betul. Selain itu, Bediuzzaman ingin mengenenangkan penggunaan perkataan tersebut dengan tujuan memelihara masyarakat Islam daripada hal yang akan merosakkan keimanan.

### 3. PENGENALAN KEPADA QURAN TAWAFUQ

Para pengkaji al-Quran sentiasa berusaha mendalami dan menterjemah segala rahsia tersembunyi yang terkandung dalam al-Quran bagi mengukuhkan lagi bukti kebesaran dan keagungan kebenaran yang difirmankan Allah SWT di dalamnya. Ini bertepatan dengan gesaan Allah SWT agar manusia memerhati (أفلا ينظرون)<sup>217</sup>, merenung (أفلا يرون)<sup>218</sup>, memikirkan (أفلا تعقلون)<sup>219</sup>, meneliti (أفلا يتدبرون)<sup>220</sup>, mengingat (أفلا تذكرون)<sup>221</sup> akan apa yang disebut di dalam al-Quran.

---

<sup>216</sup> Said Nursi, Bediuzzaman. 2014. *Lima Risalah*. Bandar Baru Bangi: Pusat Penterjemahan dan Kajian Ilmiah Altinbaşak, ms. 96.

<sup>217</sup> Al-Quran, Al-Ghashiyah 88:17.

<sup>218</sup> Al-Quran, Taha 20: 89; Al-Quran, Al-Anbiya' 21:44

<sup>219</sup> Al-Quran, Al-Baqarah 2:44, 76; Al-Quran, Ali Imran 3:65; Al-Quran, Al-'An'am 6:32, Al-Quran, Al-'Araf 7:139.

<sup>220</sup> Al-Quran, Al-Nisa' 4:82; Al-Quran, Muhamad 47:24.

<sup>221</sup> Al-Quran, Yunus 10:3; Al-Quran, Hud 11:24,30; Al-Quran, Al-Nahl 16:17; Al-Quran, Al-Mukminun 23:85.

Satu penemuan tentang *tawafuq* kedudukan beberapa perkataan dalam al-Quran seperti kalimah الله, رب dan هو telah ditemui oleh seorang cendekiawan Islam yang terbilang pada akhir zaman ini iaitu Imam Bediuzzaman Said Nursi yang berasal dari Turki. Beliau telah mengambil inisiatif untuk menghasilkan penulisan al-Quran tanpa menokok tambah atau mengubah ayat al-Quran yang asal kerana sesungguhnya al-Quran itu sentiasa berada dibawah penjagaan dan peliharaan Allah seperti firmanNya yang bermaksud: “Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya”<sup>222</sup>.

Al-Quran ini dikenali sebagai Quran Tawafuq. Penulisan Quran Tawafuq ini merupakan satu lagi penemuan terhadap bukti mukjizat al-Quran itu sendiri apabila tersusunnya kalimah-kalimah Allah sebanyak 2,806 kalimah tanpa sebarang perancangan. Tulisan kalimah-kalimah Allah yang tersusun secara deretan iaitu selari dalam garisan yang sama secara mendatar mahupun menegak dalam satu muka surat atau dalam satu-satu surah ataupun bertemu pada kedudukan yang sama pada muka surat di sebelah atau di belakang menjadikannya sebagai sebuah penciptaan dalam bentuk penulisan yang sangat unik serta tidak boleh direka cipta atau dirancang oleh sesiapa pun.

Allah SWT tidak menciptakan sesuatu makhluk atau kejadian dengan sia-sia malah terdapat hikmah di sebaliknya. Seperti itu juga kewujudan Quran Tawafuq yang diilhamkan oleh Allah SWT ini bukanlah secara kebetulan tetapi menunjukkan bukti-bukti dan tanda-tanda kebesaran Allah SWT dalam penciptaanNya. Ia merupakan salah satu bukti jelas dan nyata bagi menunjukkan al-Quran itu sebagai satu mukjizat yang dapat diyakini dari pelbagai sudut pandang. Imam Bediuzzaman Said Nursi memperincikan 40 kemukjizatan al-Quran. Bahkan beliau menjelaskan bahawa terdapat keajaiban al-Quran yang dapat dilihat dengan mata dari segi kedudukan lafaz-lafaz tertentu khususnya lafaz الله, رب dan هو (yang meujuk kepada Allah SWT). Keajaiban al-Quran dari sudut kedudukan lafaz-lafaz tersebut dapat ditelitikan n dalam Quran Tawafuq.<sup>223</sup>

### 3. SEJARAH PENULISAN

Pada tulisan al-Quran juga terdapat mukjizat yang menjadikan mata sebagai *khitab* kepada manusia zaman ini yang akalunya telah turun ke mata dan meragui semua perkara yang tidak kelihatan. Ini diakibatkan oleh bencana materialistik. Imam Bediuzzaman Said Nursi yang meyakini bahawa tujuan kehidupannya yang paling besar ialah khidmat kepada al-Quran telah berhasrat menuliskan

---

<sup>222</sup> Al Quran, Al-Hijr, 15:9.

<sup>223</sup> Said Nursi, Bediuzzaman. 2011. *Zulfikar Mecmuası*, Istanbul: Altınbaşak Neşriyat, ms.195.

senaskhah al-Quran dengan tujuan untuk memperlihatkan keindahan yang lembut dan makna tersirat yang disebut sebagai ‘*tawafuq*’.<sup>224</sup>

Cita-cita tersebut telah beliau mulakan dengan mengagihkan tiga juzuk kepada setiap seorang daripada sepuluh pelajarnya yang alim dan terkedepan lalu meminta mereka menonjolkan keistimewaan *tawafuq* yang sememangnya wujud dalam hasil penulisan al-Quran tersebut. Ketika melakukannya, beliau memperingatkan supaya mereka menjadikan mashaf yang ditulis oleh Hafiz Osman sebagai panduan. Kaedah yang digunakan dalam penulisan mashaf Hafiz Osman dikenali sebagai “*barkandar*”, iaitu satu istilah penulisan al-Quran dalam bahasa Uthmani yang setiap muka suratnya bermula dengan satu ayat baru, berakhir dengan akhir ayat dan setiap muka suratnya terdiri daripada lima belas baris ayat. Mereka juga dinasihatkan agar melakukannya dengan penuh keikhlasan dan tidak mencampurkannya dengan kehendak dan ikhtiar mereka sendiri. Peringatan beliau adalah seperti berikut:

“Janganlan kalian campur adukkan ikhtiar kalian! Janganlah kalian tiadakan apa yang ada!”

225

Pelajar pelajar tersebut terdiri daripada murid Bediuzzaman yang paling hampir. Mereka kebanyakannya sama ada bergelar al-Hafiz, ustaz ataupun guru khat Arab seperti Hafiz Ali, Ustaz Khalid, Muallim Ghalib, Ustaz Sabri, Hafiz Zuhdi, Tigli Haqqi, Hafiz Taufiq as-Syami dan termasuk Ustaz Ahmad Husrev Efendi. Kemudian mereka menyerahkan juzuk-juzuk yang telah tulis kepada Bediuzzaman. Selepas penelitian panjang, Bediuzzaman menyatakan keputusannya seperti berikut:

“Tawafuq itu pada cara Husrev menulis. Kerana itu sekiranya Husrev memiliki kemahiran, dia tidak merosakkan *tawafuq*. Saya telah menasihati agar sesiapa pun jangan mencampurkan kemahirannya! Ini bermakna kemahiran yang paling tinggi adalah tidak merosakkan *tawafuq*. Ini kerana *tawafuq* itu ada.”<sup>226</sup>

Sambung beliau lagi, “Walaupun Husrev tidak dapat menyaingi mereka dalam khat Arab, tiba-tiba beliau mengatasi semua penulis dan guru khat Arab itu. Berbanding dengan saudara kita yang paling pakar dalam khat Arab, beliau telah melebihinya sepuluh tahap. Secara umumnya mereka mengakuinya dan berkata: ‘Ya, beliau telah mengatasi kami dan kami tidak boleh

---

<sup>224</sup> Hayrat Vakfi İlmi Araştırma Heyeti. 2013. *Bediüzzaman Said Nursi ve Hayrul Halefi Ahmed Hüsrev Altınbaşak*, Isparta: Hayrat Neşriyat, ms. 1420.

<sup>225</sup> Said Nursi, Bediuzzaman. 2013. *Barla Lahikası*, Istanbul: Altınbaşak Neşriyat, ms.89.

<sup>226</sup> Ibid. ms.89.

mengatasinya.’ Maknanya, pena Husrev ialah keramat keajaiban mukjizat al-Quran dan Risalah an-Nur yang menyerupai mukjizat.”<sup>227</sup>

Ini kerana dalam naskhah tersebut, sebanyak 2,806 lafaz Allah dalam al-Quran, kesemuanya datang sama ada pada kedudukan yang selari dari atas ke bawah dalam satu muka surat, ataupun dalam kedudukan bersejajar dengan lafaz Allah di muka surat selepasnya, ataupun pada kedudukan bertindih dengan yang berada di muka surat belakangnya. Lafaz-lafaz Allah ini bersejajar antara satu sama lain dalam satu bentuk yang menakjubkan, yakni dengan sebutan yang khusus ia berada dalam posisi *tawafuq*.

Begitu juga perkataan yang datang daripada kata akar yang sama dari sudut makna ataupun dalam banyak kalimah yang bererti dan berhikmah yang menyokong makna satu sama lain bertawafuq dengan satu keharmonian yang menarik.

*Tawafuq* terzahir secara begitu luar biasa pada pena Ahmad Husrev Altınbaşak sehingga Bediuzzaman Said Nursi berkata: “Sekiranya akal faham, ia akan berkata Subhanallah! Sekiranya hati mengerti ia akan berkata Baarakallah! Sekiranya mata melihat ia akan berkata Masya-Allah. Ya, akhirnya penulis Quran Tawafuq telah menjadi muktamad iaitu Ahmad Husrev Altınbaşak!”<sup>228</sup>

Dalam surat-suratnya yang berlainan, Imam Bediuzzaman Said Nursi menyatakan rasa gembira yang lahir daripada pena Ahmad Husrev, katanya seperti berikut: “Wahai Husrev yang mulia, benar dan *mubarak*, yang menunjukkan satu wajah mukjizat al-Quran *mukjizul bayan* melalui penanya yang ajaib serta buku kebajikannya sentiasa ditulis dengan pahala orang yang membaca al-Quran yang ditulisnya dan yang sangat berharga!”<sup>229</sup>

“Masya-Allah! Baarakallah! Pena Husrev yang merupakan sebatang kunci emas al-Quran bukan sahaja mengembirakan kita bahkan turut mengembirakan para makhluk rohani dan malaikat.”<sup>230</sup>

“Wahai Husrev! Insya-Allah, tidak lama lagi, dengan pencetakan *al-Quran Azimus Sha’n* yang ditulismu, fikirkanlah doa-doa rahmat daripada dunia Islam yang akan menghujani rohmu, bersyukur kepada Allah dengan Alhamdulillah!”<sup>231</sup>

---

<sup>227</sup> Said Nursi, Bediuzzaman. 2011. *Kastamonu Lahikası*, Istanbul: Altınbaşak Neşriyat, ms.207.

<sup>228</sup> Said Nursi, Bediuzzaman. 1934. *Rumuzat-ı Semaniye*, Isparta: Osmanlıca Elyazma, ms.63.

<sup>229</sup> Said Nursi, Bediuzzaman. 2011. *Kastamonu Lahikası*, Istanbul: Altınbaşak Neşriyat, ms.563.

<sup>230</sup> Ibid. ms.20.

<sup>231</sup> Ibid. ms.424.

Hari ini, jutaan manusia dalam dunia Islam sedang membaca Quran Tawafuq yang dicetak pada tahun 1984 setelah beliau bersama para pelajarnya menubuhkan Hayrat Vakfi (Yayasan Hayrat) dan mereka mendoakan kerahmatan roh beliau, Rahmatullahi Alaihi.

#### **4. BIOGRAFI PENULIS**

Ahmed Husrev Altınbaşak dilahirkan pada tahun 1315 Hijrah bersamaan 1899 masihi di sebuah kampung yang bernama Senirce (Senirje) dalam wilayah Isparta. Ayahnya ialah Muhammad Bey iaitu cucu kepada Haji Adham Bey merupakan datuk Bandar Isparta di penghujung zaman pemerintahan Daulah Uthmaniyyah. Ibunya ialah Aishah Hanim Efendi. Keturunan sebelah bapanya dikenali sebagai ‘Golongan Serban Hijau’ dari kalangan Asyraf (keturunan Rasulullah) Isparta yang berkait dengan Saidina Abu Bakar RA. Manakala sebelah ibunya, juga dinasabkan kepada keturunan mulia yang datang daripada anak Rasulullah iaitu Saidina Hussin RA dan moyangnya dikenali sebagai ‘Hafizul Qurra’.<sup>232</sup>

Husrev Efendi yang telah belajar di peringkat sekolah menengah (*Rusydiyah*) menyambung ke sekolah tinggi ketika perang dunia pertama bermula. Setelah lulus, dia dipanggil menjadi askar demi khidmat negara dan telah pergi ke Istanbul tahun 1916 ketika berumur 17 tahun. Disebabkan umurnya yang masih kecil ia dihantar semula ke Isparta. Tetapi pada tahun 1919, perang kemerdekaan telah bermula dan beliau telah dihantar ke benteng barat sebagai leftenan. Beliau telah ditangkap menjadi banduan perang ketika peperangan terhadap Yunan di Manisa terjadi. Ketika pulang dari sana beliau telah diracun oleh seorang doktor bukan Islam di Izmir. Setelah pulih, rambutnya menjadi putih dan gigi-giginya jatuh. Pada tahun 1927 pula, beliau hidup sebagai pegawai selama tiga tahun. Husrev Efendi yang melakukan tugas sebagai pegawai kerani tanah di Isparta, Sarkikaraagac dan Keciborlu selama tiga tahun, telah berhenti kerja pada tahun 1930 demi menyibukkan dirinya dengan kerja sendiri.<sup>233</sup>

Beliau telah berkenalan dengan Imam Bediuzzaman Said Nursi pada tahun 1931 ketika beliau hidup di Barla. Di situlah Husrev Efendi menjadi pembantu dalam penulisan risalah-risalah Nursi. Beliau telah dikenali sebagai pewaris Imam Bediuzzaman Said Nursi. Bediuzzaman telah menemukan *tawafuq* dalam penulisan al-Quran bagi kali yang ke sembilan oleh Husrev, iaitu tiga naskhah semasa Bediuzzaman masih sihat dan enam naskhah lagi selepas itu.

---

<sup>232</sup> Opcit. Hayrat Vakfi İlmi Araştırma Heyeti. ms. 405.

<sup>233</sup> Ibid. ms. 414-415.

Semasa memperkenalkan Husrev Efendi yang terkenal dengan khidmatnya, Bediuzzaman meletakkan beliau sebagai ukuran bagi para pelajarnya di madrasah Nur di seluruh negara. Beliau memanggil mereka dengan nama dan piawai berdasarkan keperibadinya. Contohnya, Almarhum Hasan Feyzi, bagi Bediuzzaman, beliau ialah Husrev Denizli. Manakala Husrev bagi Aydin dan sekitarnya ialah Ahmad Feyzi Efendi. Muhammad Feyzi yang menyenangkan hati Bediuzzaman dengan khidmat-khidmatnya di Kastamonu turut dinamakan Husrev Kecil. Beliau membawa gelaran tersebut dengan penuh bangga. Surat-surat yang ditulisnya ditandatangani dengan nama Husrev Kecil Muhammad Feyzi.<sup>234</sup>

Supaya para pelajarnya tidak terjebak dalam rencana dan permainan penuh muslihat oleh musuh yang mendapati kedudukan dan maqam Husrev yang istimewa berbanding dengan para pelajar lain dalam khidmat Risalah An-Nur, Bediuzzaman memberi peringatan berikut kepada mereka:

“Musuh-musuh kita yang tersembunyi menjalankan dua perancangan. Pertama: melumpuhkan saya dengan pengkhianatan mereka dan kedua: memasukkan kedinginan (permusuhan) antara kita. Mula-mula ialah memisahkan kita daripada satu sama lain dengan mengkritik, membantah dan menimbulkan rasa iri hati ke atas Husrev. Saya mengisytiharkan kepada kalian bahawa sekiranya ada seribu kesalahan pada Husrev, saya tidak berani untuk membantahnya kerana jika membantah beliau, ia tidak lain dan tidak bukan ialah bantahan ke atas Risalah An-Nur dan membantah diriku juga merupakan satu pengkhianatan besar kepada mereka yang menyokong kita.”<sup>235</sup>

Dalam bentuk wasiat, Bediuzzaman memperkenalkan Husrev Efendi kepada kita seperti berikut: “Saya berani mendakwa dan membuktikan bahawa dalam kedinginan ini, Husrev yang menghadapi perlakuan dingin, disangka berbahaya kepada bangsa dan negara serta sakit dari segi fizikal ini sebenarnya ialah pahlawan maknawi bangsa Turki dan pembebas tanahair ini. Beliau juga ialah seorang yang ikhlas berkorban dan bangsa Turki akan berbangga dengannya. Disebabkan beliau merupakan lambang kepada rahsia keikhlasan yang sempurna dari segi tiadanya sikap mementingkan diri, sifat riya’ dan tidak sukakan kemasyhuran, sampailah sudah masa untuk

---

<sup>234</sup> Ozata, Sadik, Dogan Abdullah dan Mohd Firdaus Sahiddin. 2015. *Bediuzzaman dan Dakwah Risalah an-Nur*, Bandar Baru Bangi: Biro Terjemahan Hayrat Vakfi, ms. 77.

<sup>234</sup> Said Nursi, Bediuzzaman. 2008. *Şualar Mecmuası*, Istanbul: Altınbaşak Neşriyat, ms.546.

menerangkan satu dua perkara daripada banyaknya khidmat tanah air dan bangsa yang telah diusahakannya beliau”. Insan ini telah menulis hampir enam ratus risalah daripada cahaya dengan penanya yang ajaib dan mengagumkan. Dengan menyebarkannya ke seluruh negara beliau telah meruntuhkan *anarkisme* yang berusaha ke arah pemusnahan dahsyat di bawah tabir *komunisme* dan telah menghentikan kemaraannya. Untuk menyelamatkan tanah air yang mulia dan bangsa pahlawan ini daripada racun itu, beliau telah menyampaikan penawar-penawar yang berkesan ke setiap tempat. Beliau telah menjadi wasilah yang menyelamatkan pemuda Turki dan generasi masa hadapan daripada bahaya yang besar.”<sup>236</sup>

Semasa berulang kali memperkenalkan Husrev, Bediuzzaman berkata: “Sekarang seorang pahlawan cahaya seperti Husrev telah dianugerahkan kepada kalian. Sampai sekarang saya belum pernah memperkenalkan Husrev kepada penduduk dunia. Saya menyembunyikannya. Sekarang saya dan dia tidak berselindung lagi.”<sup>237</sup> Beliau menyamakan nilai antara perbuatan membantah Husrev adalah sama dengan membantah Risalah An-Nur dan dirinya. Beliau sering memperingatkan sesetengah pelajarinya tentang kemungkinan jatuh ke dalam perangkap pengkhianatan akibat terpedaya dengan perancangan-perancangan musuh yang terselindung.

Sejak hari-hari pertama khidmat cahayanya sehingga perpindahan Imam Bediuzzaman ke alam baqa’ dan sehingga akhir nafasnya selepas itu, Husrev Efendi sentiasa berada di setiap lembaran khidmat dan setiap mahkamahannya bahkan namanya ialah nama yang mula-mula disebut dalam nama-nama istimewa yang sama-sama melalui penderitaan bersama Imam Bediuzzaman Said Nursi. Disebabkan inilah dalam koleksi Risalah An-Nur, dalam kalangan murid-murid Nur, namanya ialah yang paling banyak disebut.

Hasilnya, dengan asas-asas yang telah dibina dan ditetapkan oleh gurunya Bediuzzaman Said Nursi, Husrev Efendi telah berkhidmat tanpa pernah berpisah dan jemu walau sebesar zarah daripada jalan dan aliran nurani dan Qurani yang mana ciri dan kerangkanya telah digariskan. Beliau telah melahirkan ribuan Said dan Husrev yang baru.

Selepas memorandum dikemukakan oleh pihak tentera, Husrev Efendi meneruskan kehidupannya yang penuh penderitaan di penjara-penjara Isparta, Eskisehir, Bursa, Bergama dan Buca. Dengan keadaan umurnya 72 tahun, bersama 96 orang pelajarinya, keadaan beliau amat rumit sehingga pada hari ini pun sukar untuk diterangkan. Beliau telah diheret ke mahkamah dan beliau

---

<sup>236</sup> Opcit. Said Nursi, Bediuzzaman. ms.553.


<sup>237</sup> Ibid. ms.521.

menempuh hukuman selama tujuh tahun dalam mahkamah kerajaan sementara. Beliau telah menjadi satu catatan pengajaran yang telah menjadi milik sejarah dari sudut pemaparan semangat perjuangan dan kefahaman beliau.

Pada bulan Ramadhan yang bersamaan dengan Ogos 1977, beliau berpindah ke alam baqa' dengan meninggalkan ribuan pelajar Nur yang berkemampuan dan terlatih di belakangnya. *Rahmatullahi Alaihi.*<sup>238</sup>

## 5. CONTOH-CONTOH TAWAFUQ DALAM QURAN TAWAFUQ


Terdapat beberapa contoh keadaan *tawafuq* lafaz الله yang akan dikongsikan dalam penulisan ini. Antaranya *tawafuq* kedudukan lafaz الله dalam satu muka surat yang sama, *tawafuq* kedudukan lafaz الله dalam muka surat bersebelahan dan *tawafuq* kedudukan lafaz الله merentas beberapa muka surat.



Gambar 1: *Tawafuq* Kedudukan Lafaz الله dalam Satu Muka Surat yang Sama


Gambar 1 di atas memperlihatkan kesejajaran kalimah الله pada muka surat 62 dan muka surat 63.

<sup>238</sup> Ozata, Sadik, Dogan Abdullah dan Mohd Firdaus Sahiddin. 2015. *Bediuzzaman dan Dakwah Risalah an-Nur*, Bandar Baru Bangi: Biro Terjemahan Hayrat Vakfi, ms. 92.



**Gambar 2: Tawafuq Kedudukan Lafaz الله dalam Muka Surat Bersebelahan**

Gambar 2 di atas memperlihatkan kesejajaran kedudukan lafaz الله antara dua muka surat yang bersebelahan iaitu muka surat pada muka surat 540 dan 541. Manakala, Gambar 3 di bawah pula menunjukkan kesejajaran kedudukan lafaz الله di pelbagai muka surat.



**Gambar 3: Tawafuq Kedudukan Lafaz الله Merentas Beberapa Muka Surat**

## 6. PENGHARGAAN

Kajian ini adalah sebahagian penyelidikan di Institut Sains Islam, Universiti Sains Islam Malaysia dengan kerjasama Yayasan Hayrat, Turki.

## 7. PENUTUP

Al-Quran merupakan mukjizat tertinggi dan teristimewa yang hanya dikurniakan kepada Nabi Muhammad SAW. Manusia belum mampu menyelami dan menerokai rahsia al-Quran secara menyeluruh sehingga ke hari ini. Ini bererti kehebatan, keagungan dan keunggulan al-Quran secara tersendiri dengan pengertiannya yang amat luas dan mendalam kekal terpelihara hingga kiamat. Penulisan ini telah mengenengahkan satu daripada ribuan keagungan dan keunggulan al-Quran iaitu penemuan kedudukan lafaz *jalalah* secara sejajar dalam Quran Tawafuq. Ia merupakan hasil tulisan tangan Ustaz Ahmad Husrev Efendi yang merupakan salah seorang anak murid rapat Bediuzzaman Said Nursi yang terkenal dengan penulisan kitab Rasail An-Nur. Pengenalan kepada Quran Tawafuq, sejarah penulisan, biografi Ustaz Ahmad Husrev Efendi serta beberapa contoh telah dimuatkan dalam penulisan ini.

## RUJUKAN

- Al-Jurjani, Ali bin Muhammad. 1424 H / 2003 M. *al-Ta'rifat*, Bairut-Libnan: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Hayrat Vakfi İlmi Araştırma Heyeti (2013). *Bediüzzaman ve Hayru'l-Halefi Ahmed Husrev Altınbaşak*. Isparta: Hayrat Neşriyat
- HAMKA. 1983. *Tafsir Al-Azhar*. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Ibnu Ahmad 'Alimi. 2004. *Menyingkap Rahasia Mukjizat Al-Qur'an*. Surabaya: Mashur.
- Al-Munawwar, Said Agil Husin. 2002. *Al-Qur'an Membangun Tradisi Kesalehan Hakiki*. Jakarta: Ciputat Press.
- Ozata, Sadik, Dogan Abdullah dan Mohd Firdaus Sahiddin, (2015). *Bediuzzaman dan Dakwah Risalah an-Nur*. Bandar Baru Bangi: Biro Terjemahan Hayrat Vakfi.
- Quraish Shihab. 1998. *Membumikan Al-Qur'an: Fungsi dan Peran Wahyu dalam Kehidupan Masyarakat*. Penerbit Mizan. Bandung.

Moh. Arsyad Ba'asyien. *Beberapa Segi Kemukjizatan Al-Quran*. STAIN Datokarama Palu, Jl. Diponegoro 23 Palu.

As-Sabuny, Muhammad Ali. 1991. *Studi Ilmu Al-Quran*. Alih Bahasa: Aminuddin. Damascus: Pustaka Setia.

As-Sabuny, Muhammad Ali. 1991. *Studi Ilmu Al-Quran*. Alih Bahasa: Aminuddin. Damascus: Pustaka Setia.

Said Nursi, Bediuzzaman. (1934). *Rumuzat-ı Semaniye*, Isparta: Osmanlıca Elyazma.

Said Nursi, Bediuzzaman. (2008). *Şualar Mecmuası*, Istanbul: Altınbaşak Neşriyat.

Said Nursi, Bediuzzaman. (2011). *Kastamonu Lahikası*. Istanbul: Altınbaşak Neşriyat.

Said Nursi, Bediuzzaman. (2011). *Zulfikar Mecmuası*, Istanbul: Altınbaşak Neşriyat.

Said Nursi, Bediuzzaman. (2013). *Barla Lahikası*, Istanbul: Altınbaşak Neşriyat.

Said Nursi, Bediuzzaman. (2014). *Lima Risalah*. Bandar Baru Bangi: Pusat Penterjemahan dan Kajian Ilmiah Altınbaşak.

Sâbuni, Muhammad 'Ali. 1986. *al-Tibyan fi 'Ulum al-Qur'an*. Beirut: Alim al-Kutub.

Said Agil Husain Al-Munawwar. 1994. *I'jaz Al-Qur'an dan Metodologi Tafsir*. Semarang:Dimas.

Syuhbah, Muhammad Abu. 1412 H / 1992 M. *Al-Madkhal li Al-Dirasah Al-Qur'an al-Karim*. Bairut: Dar al-Jil.

Yusuf Al-Haj Ahmad. 2003. *Mausu'ah al-I'jaz Al-'Ilmi fi Al-Qur'an Al-Karim wa Al-Sunnah Al-Mutahharah*. Damaskus: Maktabah Ibnu Hajar.